Sakinah bt Mustapha dan lain-lain lwn Pendakwa Raya dan lain-lain rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO M-05–349–08 TAHUN 2019, M-09–62–02 TAHUN 2019 DAN M-09–65–02 TAHUN 2019

HADHARIAH SYED ISMAIL, AZMAN ABDULLAH DAN AZMI ARIFFIN HHMR

14 DISEMBER 2023

Undang-Undang Jenayah — Pengubahan wang haram — Pelucuthakkan harta — Penuntut pihak ketiga menuntut harta yang disita seperti di dalam warta untuk dikembalikan — Terma-terma perintah persetujuan — Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 ss 55 & 61(2)

Terdapat tiga notis rayuan berasingan yang difailkan ('R39', 'R40' dan 'R41') terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan rayuan pendakwa raya dan mengenepikan perintah mahkamah sesyen yang memerintahkan harta-harta yang dinyatakan dalam Jadual Warta Kerajaan Persekutuan yang menjadi hal pertuduhan diserahkan hak kepada perayu-perayu iaitu penuntut pihak ketiga dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia. Tertuduh pertama dan tertuduh kedua merupakan rakan kongsi perniagaan Hitect Objective Enterprise ('HTO') yang menjalankan urusan jual beli langganan kad pra bayar. Kedua-dua tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 ('Akta'). Bagi prosiding perlucutan harta, apabila terdapat pendakwaan di bawah s 55 Akta dan dibaca bersama dengan s 61(2) Akta yang sama, maka yang membuat perintah pelucuthakan hendaklah menyebabkan suatu notis dalam *warta* dibuat untuk memanggil mana-mana pihak ketiga yang mempunyai sebarang kepentingan terhadap harta yang terkandung dalam notis itu untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan. Notis kepada pihak ketiga telah diwartakan dan penuntut pihak ketiga menuntut untuk mendapatkan kembali wang yang telah dibayar oleh mereka kepada HTO bagi urusan jual beli dan langganan kad pra bayar mengikut jumlah masing-masing. Di akhir perbicaraan, mahkamah sesyen telah memutuskan agar kesemua harta yang disita seperti di dalam *warta* dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga. Tidak berpuashati, pendakwa raya telah menfailkan rayuan terhadap keputusan mahkamah sesyen dan Mahkamah Tinggi membenarkan rayuan tersebut. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan:

(1) Kesemua pihak-pihak telah berjaya mencapai suatu penyelesaian yang muktamad. Perintah persetujuan direkodkan mengikut terma-terma dalam draf dan tempoh masa pembayaran tuntutan kepada perayu-perayu adalah empat bulan daripada tarikh perintah. Bagi R39, perayu-perayu bersetuju menuntut hanya 50% manakala bagi R40 dan R41, perayu-perayu bersetuju menuntut hanya 40% daripada jumlah tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad (lihat perenggan 32–33).

[English summary

There were three separate notices of appeal filed ('R39', 'R40' and 'R41') against the decision of the High Court which allowed the prosecutor's appeal and set aside the order of the session court ordering the properties specified in the Federal Government Gazette Schedule that was the subject of the charge returned to the appellants who were the third-party claimants to be forfeited to the Malaysian Government. The first accused and the second accused were business partners of Hitect Objective Enterprise ('HTO') which dealt in buying and selling prepaid card subscriptions. Both accused were found guilty and convicted on charges under s 25(1) of the Banks and Financial Institutions Act 1989 and under s 4(1) of the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 ('the Act'). For property forfeiture proceedings, when there was a prosecution under s 55 of the Act and read together with s 61(2) of the same Act, then the person making the forfeiture order must cause a notice in the *gazette* to summon any third party who had any interest in property contained in the notice to show reasons why the property should not be forfeited. A notice to the third party had been *gazetted* and the third-party claimants were demanding to get back the money they had paid to HTO for the sale and purchase and prepaid card subscription according to their respective amounts. At the end of the trial, the session court had decided that all the forfeited property as in the *gazette* be returned to the third-party claimants. Dissatisfied, the prosecutor filed an appeal against the session court's decision and the High Court allowed the appeal. Hence, this appeal.

Held:

(1) All parties had successfully reached a final settlement. The consent order was recorded according to the terms in the draft and the time period for payment of claims to the appellants was four months from the date of the order. For R39, the appellants agreed to claim only 50% while for R40 and R41, the appellants agreed to claim only 40% of the total claim as the full and final settlement amount (see paras 32–33).]

Undang-undang yang dirujuk

Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 (dimansuhkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan 2013) ss 6(4), 25(1)

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 ss 4(1), 55, 61(2)

Rayuan daripada: Permohonan Jenayah No MA-44–17–10 Tahun 2018, MA-42(Ors)-1–01 Tahun 2018 dan MA-42(Ors)-1–01 Tahun 2018 (Mahkamah Tinggi, Melaka)

Sahidawati bt Dollah (Sasila bt Basri dan Umi Kalsum bt Harun bersamanya) (Sasila Basri & Co) bagi pihak perayu.

Norzilati Izhani bt Zainal @ Zainol (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Terdapat tiga notis rayuan berasingan yang difailkan di hadapan Mahkamah Rayuan ini terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi Melaka di mana hakim yang bijaksana pada 29 Januari 2019 dan 1 Ogos 2019 telah membenarkan rayuan perayu/pendakwa raya dan mengenepikan perintah hakim mahkamah sesyen yang bijaksana memerintahkan harta-harta yang dinyatakan dalam Jadual Warta Kerajaan Persekutuan yang menjadi hal pertuduhan diserahkan hak kepada responden-responden dilucuthak kepada Kerajaan Malaysia.

[2] Butiran terperinci bagi ketiga-tiga rayuan tersebut adalah seperti berikut:

(a) R39 M-05–349–08 Tahun 2019, *Sakinah bt Mustapha dan 29 yang lain v Pendakwa Raya*;

(b) R40 M-09–62–02 Tahun 2019, *Yen Kim Pok & 140 yang lain v Pendakwa Raya*; dan

(c) R41 M-09–65–02 Tahun 2019, *MFR Comtech Resources Sdn Bhd v Pendakwa Raya*.

[3] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, responden-responden/penuntut-penuntut ketiga ini telah menfailkan rayuan mereka masing-masing di Mahkamah Rayuan.

[4] Oleh kerana ketiga-tiga rayuan ini adalah berkaitan, maka kami akan hanya menyediakan satu alasan penghakiman sahaja untuk ketiga-tiga rayuan ini.

FAKTA KES SECARA RINGKAS

R39 M-05–349–08 Tahun 2019

[5] Mohd Riezuan bin Jalil (tertuduh pertama) telah dituduh di Mahkamah Sesyen Melaka di atas satu pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 atas kesalahan menerima deposit daripada orang awam tanpa satu lesen yang sah di bawah s 6(4) Akta yang sama.

[6] Selain daripada itu, tertuduh pertama juga telah dituduh di atas 168 pertuduhan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 (Akta 613).

[7] Manakala Basri bin Samsudin (tertuduh kedua) juga telah dituduh di atas satu pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 atas kesalahan menerima deposit daripada orang awam tanpa satu lesen yang sah di bawah s 6(4) Akta yang sama.

[8] Selain daripada itu, tertuduh kedua juga telah dituduh di atas 68 pertuduhan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 (Akta 613).

[9] Kedua-dua tertuduh ini merupakan rakan kongsi perniagaan Hitect Objective Enterprise ('HTO)' yang menjalankan urusan jual beli langganan kad pra bayar.

[10] Kedua-dua tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan kesemua pertuduhan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 (Akta 613).

[11] Bagi prosiding perlucutan harta, apabila terdapat pendakwaan di bawah s 55 Akta 613 dan dibaca bersama dengan s 61(2) Akta yang sama, maka yang membuat perintah pelucuthakan hendaklah menyebabkan suatu notis dalam *warta* dibuat untuk memanggil mana-mana pihak ketiga yang mempunyai sebarang kepentingan terhadap harta yang terkandung dalam notis itu untuk menunjukkan sebab mengapa harta itu tidak boleh dilucuthakkan.

[12] Notis kepada pihak ketiga telah diwartakan pada 6 November 2012 di mana harta yang terlibat di dalam prosiding ini adalah sepertimana yang

terdapat di dalam *warta* notis kepada pihak ketiga.

[13] Terdapat lapan orang penuntut pihak ketiga yang menuntut untuk mendapatkan kembali wang yang telah dibayar oleh mereka kepada HTO bagi urusan jual beli dan langganan kad pra bayar mengikut jumlah masing-masing. Perbicaraan berkenaan harta-harta tersebut telah bermula pada 4 April 2016 dan berakhir pada 1 Ogos 2017.

[14] Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah memutuskan agar kesemua harta yang disita seperti di dalam *warta* dikembalikan kepada penuntut pihak ketiga.

[15] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah menfailkan notis rayuan yang masing-masing bertarikh 12 Februari 2017 dan satu lagi notis rayuan bertarikh 8 Januari 2018 di Mahkamah Tinggi Melaka. Dalam masa yang sama pihak pendakwaan juga telah memfailkan permohonan penangguhan pelaksanaan hukuman terhadap perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah sesyen tersebut.

[16] Pada 21 September 2019, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap keputusan mahkamah sesyen dan membatalkan permohonan penangguhan perlaksanaan hukuman yang telah difailkan oleh pihak pendakwaan kerana ianya telah menjadi akademik.

[17] Tidak berpuas hati, penuntut-penuntut ketiga/perayu menfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan.

R40 M-09–62–02 Tahun 2019 di dengar bersama R41 M-09–65–02 Tahun 2019

[18] Kedua-dua tertuduh telah didapati bersalah dan disabitkan di atas satu pertuduhan di bawah s 25(1) Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan kesemua pertuduhan di bawah s 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 (Akta 613).

[19] Notis kepada pihak ketiga telah diwartakan pada 1 November 2012 di mana harta yang terlibat di dalam prosiding ini adalah sepertimana yang terdapat di dalam *warta* notis kepada pihak ketiga.

[20] Terdapat 203 individu dan satu syarikat MFR Comtech Resources Sdn Bhd yang mempunyai urusan perniagaan dengan HTO telah menuntut sebagai pihak ketiga bagi mendapatkan kembali wang yang telah dibayar oleh

mereka kepada HTO bagi urusan jual beli dan langganan kad pra bayar mengikut jumlah masing-masing. Perbicaraan berkenaan harta-harta berakhir pada 16 Jun 2017.

[21] Di akhir perbicaraan, pada 8 December 2017, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah memutuskan agar kesemua harta yang disita seperti di dalam *warta* dikembalikan kepada kesemua penuntut pihak ketiga.

[22] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah menfailkan notis rayuan yang masing-masing bertarikh 12 Februari 2017 dan satu lagi notis rayuan bertarikh 8 Januari 2018 di Mahkamah Tinggi Melaka.

[23] Pada 29 Januari 2019, Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap keputusan mahkamah sesyen. Wang yang disita dilucutkanhak kepada Kerajaaan Malaysia. Keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana diketepikan. Dikemukakan semula sebahagian alasan penghakiman hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana (kandungan 3 RR Jld 1 ms 12–36) sepertimana berikut:

> 16. Setelah meneliti nota keterangan yang direkodkan dan alasan penghakiman oleh Tuan HMS, Mahkamah memutuskan bahawa responden telah gagal untuk memenuhi keperluan yang terkandung di dalam peruntukan s 61(4)(a) hingga (e) AMLATFA secara 'conjunctively';
>
> 17. Responden bukanlah penuntut yang suci hati dan gagal membuktikan kelayakan mereka bagi menuntut wang yang disita atas imbangan kebarangkalian seperti yang diperuntukkan di bawah s 61(4)(a) hingga (e) AMLATFA (rujuk kes *Pendakwa Raya lwn Raja Noor Asma bt Raja Harun* [2013] 9 MLJ 181; [2013] 5 CLJ 656);
>
> 18. Ini jelas dibuktikan berdasarkan keterangan saksi responden sendiri apabila telah gagal mengambil langkah munasabah menentukan dan memastikan harta/wang tersebut bukanlah daripada apa-apa aktiviti haram. Dalam perkara ini, responden mempunyai peluang dan ruang untuk membuat semakan atau pun merujuk HTO kepada Bank Negara bagi tujuan pengesahan namun jelas gagal berbuat demikian dan ia tidak dinafikan oleh responden semasa prosiding tunjuk sebab di hadapan hakim bicara. Tambahan pula dalam kes ini ia melibatkan jumlah wang yang besar;
>
> 19. Penglibatan secara langsung responden (penuntut-penuntut yang lain) sebagai pelabur kepada produk barangan keluaran Syarikat HTO ini adalah disifatkan sebagai mereka turut mempunyai pengambilan bahagian atau mempunyai penglibatan dalam keadaan predikat dan AMLATFA 2001;
>
> 20. Adalah menjadi tanggungjawab responden untuk membuat semakan dan rujukan dengan Bank Negara kerana sebagai penuntut yang suci hati adalah menjadi tanggungjawabnya untuk melakukan segala yang munasabah untuk menghalang penggunaan wang tersebut bagi tujuan menyalahi undang-undang. responden jelas gagal berbuat demikian;

21. Berdasarkan hal keadaan objektif kes, mahkamah membuat inferens bahawa responden bukanlah seorang yang suci hati memandangkan wang yang telah diserahkan kepada responden telah digunakan untuk mengambil deposit tanpa lesen yang sememangnya menyalahi undang-undang;

22. Berdasarakan alasan-alasan di atas, mahkamah dengan ini membenarkan rayuan perayu dan perintah pelepasan atau pemulangan semula bagi harta-harta yang disita sepertimana di dalam Warta Kerajaan Persekutuan PU (B) 365 bertarikh 6 November 2012 diketepikan; dan

23. Dengan itu mahkamah menolak tuntutan responden (203 penuntut lain) dan harta-harta tersebut yang telah disita dilucutkanhak kepada Kerajaan Malaysia di bawah sub-s 56(2) AMLATFA.

[24] Tidak berpuas hati, penuntut-penuntut ketiga/perayu menfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan.

R41 M-09–65–02 Tahun 2019

[25] Notis kepada pihak ketiga telah diwartakan pada 1 November 2012 di mana harta yang terlibat di dalam prosiding ini adalah sepertimana yang terdapat di dalam *warta* notis kepada pihak ketiga.

[26] Di akhir perbicaraan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah memutuskan agar kesemua harta yang disita seperti di dalam *warta* dikembalikan kepada kesemua penuntut pihak ketiga.

[27] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pendakwa raya telah menfailkan notis rayuan di Mahkamah Tinggi Melaka.

[28] Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pendakwa raya terhadap keputusan mahkamah sesyen. Wang yang disita dilucutkan hak kepada Kerajaaan Malaysia. Keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana diketepikan.

[29] Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, penuntut ketiga/perayu menfailkan rayuan di Mahkamah Rayuan.

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG BERKAITAN

[30] Seksyen 55 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 memperuntukkan seperti berikut:

55 Forfeiture of property upon prosecution for an offence

(1) Subject to section 61, in any prosecution for an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence, the court shall make an order for the forfeiture of any property which is proved to be —

(a) the subject-matter or evidence relating to the commission of such offence;

(b) terrorist property;

(c) the proceeds of an unlawful activity; or

(d) the instrumentalities of an offence, where —

(aa) the offence is proved against the accused; or

(bb) the offence is not proved against the accused but the court is satisfied that —

(i) the accused is not the true and lawful owner of such property; and

(ii) no other person is entitled to the property as a purchaser in good faith for valuable consideration.

(2) Where the offence is proved against the accused but the property referred to in subsection (1) has been disposed of diminished in value, or cannot be traced, the court shall order the accused to pay as a penalty a sum which is equivalent to, in the opinion of the court, the value of the property, and any such penalty shall be recoverable as a civil debt due to the Government of Malaysia and shall not be subject to any period of limitation prescribed by any written law.

(3) In determining whether the property is —

(a) the subject-matter or evidence relating to the commission of an offence under subsection 4(1) or a terrorism financing offence;

(b) terrorist property; Anti-Money Laundering, Anti-Terorism Financing and Proceeds of Unlawfull Activities;

(c) the proceeds of an unlawful activity; or

(d) the instrumentalities of an offence, the court shall apply the standard of proof required in civil proceedings.

[31] Seksyen 61(2) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaaan Keganasan 2001 memperuntukkan seperti berikut:

61 Bona fide third parties

(1) The provisions in this Part shall apply without prejudice to the rights of bona fide third parties.

(2) The court making the order of forfeiture under subsection 28L(1) or section 55 or the judge to whom an application is made Anti-Money Laundering, Anti-Terorism Financing and Proceeds of Unlawfull Activities under subsection 28L(2) or 56(1) shall cause to be published a notice in the Gazette calling upon any third party who claims to have any interest in the property to attend before the court on the date specified in the notice to show cause as to why the property shall not be forfeited.

(3) A third party's lack of good faith may be inferred, by the court or an enforcement agency, from the objective circumstances of the case.

(4) The court or enforcement agency shall return the property to the claimant when it is satisfied that —

(a) the claimant has a legitimate legal interest in the property;

(b) no participation, collusion or involvement with respect to the offence under subsection 4(1) or Part IVA, or a terrorism financing offence which is the object of the proceedings can be imputed to the claimant;

(c) the claimant lacked knowledge and was not intentionally ignorant of the illegal use of the property, or if he had knowledge, did not freely consent to its illegal use;

(d) the claimant did not acquire any right in the property from a person proceeded against under circumstances that give rise to a reasonable inference that any right was transferred for the purpose of avoiding the eventual subsequent forfeiture of the property; and

(e) the claimant did all that could reasonably be expected to prevent the illegal use of the property.

KEPUTUSAN KAMI

[32] Kesemua pihak-pihak telah berjaya mencapai suatu penyelesaian yang muktamad.

[33] Keputusan sebulat suara. Perintah persetujuan direkodkan mengikut terma-terma dalam draf yang dikemukakan dan tempoh masa pembayaran tuntutan kepada perayu-perayu di perenggan lima perintah persetujuan adalah empat bulan daripada tarikh perintah ini. Terma-terma penyelesaian yang terperinci adalah sepertimana yang terkandung di dalam perintah-perintah berikut:

Perintah Persetujuan bagi R39 (Kandungan 48) ditandakan sebagai Lampiran A.

DIPERINTAHKAN bahawa:

(a) Perayu-Perayu bersetuju menuntut hanya 50% daripada Jumlah Tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad;

(b) *Jumlah Tuntutan akan diambiI daripada wang tunai yang disita sepertimana di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012;*

(c) Jumlah Tuntutan yang disokong dengan resit/dokumen sokongan yang berkaitan sahaja (sebagaimana di dalam Rekod Rayuan) akan diterima;

(d) Jumlah Tuntutan juga akan ditolak dengan jumlah bayaran yang telah diperolehi oleh Perayu-Perayu dan pengiraan ini akan dibuat oleh pihak Bank Negara Malaysia;

(e) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibuat kepada Perayu-Perayu dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh Perintah ini;

(f) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibayar ke dalam akaun pelanggan Tetuan Sahidawati Dollah & Co. Manakala Jumlah Tuntutan bagi Perayu-Perayu yang diwakili oleh Tetuan Mazhar & Co. hendaklah dibuat ke dalam akaun pelanggan Tetuan Sasila Basri & Co.; dan

(g) Lebihan daripada wang tunai termasuk faedah yang dinyatakan di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012 hendaklah dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia.

Perintah Persetujuan bagi R40 (Kandungan 59) ditandakan sebagai Lampiran B.

DIPERINTAHKAN bahawa:

(a) Perayu-Perayu bersetuju menuntut hanya 40% daripada Jumlah Tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad;

(b) Jumlah Tuntutan akan diambiI daripada wang tunai yang disita sepertimana di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012;

(c) Jumlah Tuntutan yang disokong dengan resit/dokumen sokongan yang berkaitan sahaja (sebagaimana di dalam Rekod Rayuan) akan diterima;

(d) Jumlah Tuntutan juga akan ditolak dengan jumlah bayaran yang telah diperolehi oleh Perayu-Perayu dan pengiraan ini akan dibuat oleh pihak Bank Negara Malaysia;

(e) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibuat kepada Perayu-Perayu dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh Perintah ini;

(f) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibayar ke dalam akaun pelanggan firma masing-masing.; dan

(g) Lebihan daripada wang tunai termasuk faedah yang dinyatakan di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012 hendaklah dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia.

Perintah Persetujuan bagi R41 (Kandungan 60) ditandakan sebagai Lampiran C.

DIPERINTAHKAN bahawa:

(a) Perayu-Perayu bersetuju menuntut hanya 40% daripada Jumlah Tuntutan sebagai amaun penyelesaian penuh dan muktamad;

(b) Jumlah Tuntutan akan diambiI daripada wang tunai yang disita sepertimana di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012;

(c) Jumlah Tuntutan yang disokong dengan resit/dokumen sokongan yang berkaitan sahaja (sebagaimana di dalam Rekod Rayuan) akan diterima;

(d) Jumlah Tuntutan juga akan ditolak dengan jumlah bayaran yang telah diperolehi oleh Perayu-Perayu dan pengiraan ini akan dibuat oleh pihak Bank Negara Malaysia;

(e) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibuat kepada Perayu-Perayu dalam tempoh empat (4) bulan daripada tarikh Perintah ini;

(f) Pembayaran Jumlah Tuntutan hendaklah dibayar ke dalam akaun pelanggan firma masing-masing.; dan

A (g) Lebihan daripada wang tunai termasuk faedah yang dinyatakan di dalam Warta P.U.(B) 365 bertarikh 1 November 2012 hendaklah dilucuthakkan kepada Kerajaan Malaysia.

Perintah sewajarnya.

B

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail

C

D

E

F

G

H

I